

34,000 ekar tanah akan dibuka atas usahasama Kerajaan dan swasta

KUALA LUMPUR, Jumaat — Satu projek usahasama Kerajaan dengan sektor swasta untuk memajukan 34,000 ekar tanah, sebahagian besarnya tanah rezab Melayu untuk tanaman kelapa sawit rasmi ditandatangani di sini hari ini.

Inilah kali pertama tanah rezab Melayu diusahakan secara besar-besaran untuk projek perindustrian pertanian.

Perjanjian usahasama itu melibatkan \$98 juta ditandatangani oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Kumpulan Fima, dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Wan Mohamad bin Wan Teh selaku Pengerusi Perbadanan Pembangunan Pertanian Perak (PPPNP).

Sementara firma swasta, sebuah syarikat antarabangsa, iaitu European Commodities Ltd (Hong Kong) diwakili oleh Encik A. Rangonwal.

Di bawah projek tersebut, 15,000 ekar tanah rezab Melayu di negeri Perak akan dimajukan untuk tanaman kelapa sawit, pembinaan kilang dan lain-lain.

Istimewa

Datuk Seri Dr. Mahathir menisfatkan usahasama itu sebagai amat istimewa kerana ia melibatkan tanah rezab Melayu dan ia merupakan satu cara yang kreatif untuk memajukan kawasan-kawasan tanah rezab Melayu serta diuruskan dengan cara yang moden dan teratur.

Di bawah perjanjian itu tiga projek akan dijalankan berperingkat-peringkat dalam masa enam tahun antara Fima, PPPNP dan ECL manakala sebuah projek lagi merupakan usahasama antara Fima dan PPPNP.

Syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah perjanjian itu adalah seperti berikut:

- Perbadanan Perak-Fimaly Plantations Sdn. Bhd. dianggotai oleh Fima, PPPNP dan ECL untuk memajukan ladang bukan rezab Melayu seluas 15,000 ekar.

- Ladang Perbadanan-Fima Sdn. Bhd. dianggotai oleh Fima dan PPPNP untuk memajukan ladang di tanah rezab Melayu seluas 19,500 ekar.

- Fimaly Oils Coporation Sdn. Bhd. dianggotai bersama oleh Fima, PPPNP dan ECL untuk memerah dan memproses minyak sawit.

- Fimaly-Perbadanan Management Services Sdn. Bhd. usahasama antara Fima, PPPNP dan ECL menjalankan khidmat pengurusan dan pemasaran.

Perjanjian usahasama antara Fima dan ECL bagi menubuhkan syarikat Fimaly Bulking Services Sdn. Bhd., iaitu perkhidmatan tangki menyimpan minyak sawit dan kimia di Pelabuhan Kelang telah ditandatangani sebelum ini.

Datuk Seri Dr. Mahathir selepas menandatangani perjanjian tersebut menegaskan projek seperti ini akan memastikan negara kita mendapat faedah yang lebih besar dan berbagai rupa dari hasil perantannya.

Menurutnya, pada tahun lepas eksport minyak sawit merupakan 11 peratus daripada eksport negara dan menyumbangkan 6.5 peratus kepada keluaran kasar dalam negeri.

Kerajaan, tambah beliau, mahukan negara ini memperluaskan industri beraskan hasil asli ke peringkat pembuat berbagai hasil dan bukan sekadar mengeksport sebagai bahan mentah sahaja.

Beliau menerangkan dalam hal ini Kerajaan akan terus memberi galakan dalam berbagai cara dan bentuk umpamanya dengan menubuhkan badan-badan seperti Lembaga Pendaftaran dan Perlesenan Minyak (PORLA) dan Institut Penyelidikan Minyak Sawit (PORIM).

Datuk Seri Dr. Mahathir menerangkan bahawa projek tersebut akan dijalankan dalam tiga peringkat.

Peringkat pertama memajukan seluas 19,600 ekar tanah, kebanyakannya rezab Melayu.

Kilang pemerahan akan dibina sebagai peringkat kedua di samping pembukaan 15,000 ekar lagi ladang.

Peringkat ketiga ialah pembinaan kilang penapis dan loji memproses minyak sawit itu supaya menjadi hasil perniagaan yang boleh dieksport terus.

Datuk Seri Wan Mohamad pula menyatakan projek usahasama itu memasuki Perbadanan itu dalam satu era baru dengan penglibatannya di bidang memproses bahan pertanian.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia